

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumji atau Jawi.*
4. *Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab


Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan pembelajaran yang berkesan.

Berdasarkan maklumat tersebut, berikan pendapat anda tentang pembelajaran yang berkesan.


Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Memberikan tumpuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bersama-sama guru di kelas adalah salah satu kaedah belajar yang baik diamalkan dan telah banyak membantu proses pemahaman. Kegagalan memberikan tumpuan di dalam kelas menyebabkan murid gagal meraih keputusan yang baik dalam peperiksaan.

Sumber: cgkaunseling.blogspot.com



Mudik perahu ke Pulau Semporna,
Sarat muatan dengan lokan;
Sesama rakan interaksi terbina,
Belajar berkumpulan aktiviti menyeronokkan.



Bahagian B**[70 markah]***Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.***1**

Lambakan aplikasi dan permainan video secara dalam talian yang mudah diakses menggunakan telefon pintar berupaya mengakibatkan ketagihan yang melampaui dalam kalangan anak. Oleh itu, pemantauan yang lebih teliti daripada ibu bapa amat penting supaya anak-anak tidak leka dengan telefon pintar. Ibu bapa perlu memberikan nasihat yang berhemah dan menjadi contoh yang baik supaya anak-anak dapat mengikutinya.

Sumber: Dewan Siswa Bil 08/2023

Berdasarkan petikan, huraikan peranan ibu bapa untuk mengawal penggunaan telefon pintar dalam kalangan anak.

2

Stres atau tekanan merupakan tindak balas fizikal, emosi dan mental yang dialami oleh seseorang apabila tuntutan tidak dapat dipenuhi. Sesiapa sahaja sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas boleh mengalami stres. Sebenarnya ada berbagai-bagai cara yang boleh kita lakukan dalam mengawal stres.

Sumber: *myhealth.gov.my*

Tulis sebuah rencana tentang cara-cara menangani stres.

[Lihat halaman sebelah

3

Hari Kebangsaan Malaysia disambut pada 31 Ogos setiap tahun. Sambutan Hari Kebangsaan merupakan satu daripada cara yang sangat efektif untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang sejarah pembentukan Malaysia.

Sumber: Dewan Siswa Bil 08/2023

Huraikan kepentingan sambutan Hari Kebangsaan selain yang terdapat dalam petikan.

4

Program sukan berbentuk pertandingan menawarkan ganjaran berbaloi kepada pemenang, sekali gus menjadi antara faktor penarik individu untuk menyertainya. Namun, kesan utama diharapkan ialah peningkatan semangat dan minat bersukan, mencungkil bakat baharu berpotensi dan kekal aktif dalam bersukan walaupun selepas program dilaksanakan.

Sumber: *bharian.com.my*

Berdasarkan petikan, huraikan kesan menyertai program sukan berbentuk pertandingan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT